

TINGKAH LAKU DEVIAN DAN PERLAKUAN JENAYAH: CABARAN KECENDERUNGAN NEGATIF DI SEBALIK KEHIDUPAN MASA LALU DAN KINI

Siti Sarawati Johar
Fauziah Ani
Shamsaadal Sholeh Saad
Zahrul Akmal Damin
Shahidah Hamzah
Harliana Halim
Zahrul Akmal Damin
Md. Akbal Abdullah
Ku Hasnan Ku Halim
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Letusan fenomena peningkatan kadar jenayah melalui angka statistik di Malaysia telah mula menggugat ketenangan dan mencipta kekusaran di kalangan rakyat. Kebimbangan rakyat adalah seiring dengan teretusnya pelbagai kes jenayah yang semakin mencemaskan. Daripada jenayah jalanan sehinggalah jenayah berat, rakyat Malaysia mengharapkan ada inisiatif yang praktikal dalam membantu mengatasi permasalahan ini. Rakyat didapati semakin peka terhadap isu kepentingan keselamatan dalam kehidupan melalui pelbagai kajian dan kaedah yang merentas elemen perundangan, sosial dan psikologi. Dalam perbincangan ini, tumpuan adalah kepada kecenderungan individu terjebak dengan tingkah laku devian sehingga membawa kepada perlakuan jenayah. Kecenderungan itu akan diteliti merangkumi aspek afektif, kognitif dan tingkah laku individu. Penelitian ini menghubungkan beberapa teori tentang kecenderungan pelaku jenayah yang bermula dengan perlakuan devian. Perlakuan devian berskala kecil seharusnya tidak dipandang remeh kerana lama-kelamaan berupaya menjadi penyumbang kepada aktiviti jenayah yang berskala besar. Perkongsian terpenting hasil perbincangan ini adalah untuk menjadi panduan bermakna kepada pihak tertentu seperti Polis Diraja Malaysia, kementerian, sekolah, komuniti masyarakat dan institut pengajian tinggi dalam membantu kerajaan dan negara membanteras perlakuan devian seterusnya aktiviti jenayah di kalangan rakyat secara bersepadu. Kesedaran di kalangan semua pihak juga sangat perlu bagi mencapai tahap kolaboratif dan koperatif yang jitu dalam memastikan Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang aman, sejahtera dan selamat buat semua.

Kata Kunci: *Tingkah Laku, Devian, Jenayah, Kecenderungan, Negatif*

1.0 PENGENALAN

14 Mac 2017, seorang kanak-kanak perempuan yang tidak berdosa berusia dua tahun telah meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya, kerana disyaki telah didera secara seksual di rumah pengasuhnya (The Sun Daily, Mac 2017). Sebelum itu pada 16 Disember 2016, seorang lelaki dijatuhkan hukuman 17 tahun dan 10 sebatan kerana didapati bersalah meliwat kanak-kanak berusia empat tahun di Kuching, Sarawak (Sarawakvoice, Disember 2016). 6 bulan sebelum itu pula iaitu pada 16 Jun 2016 dilaporkan dua orang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun telah diliwat oleh seorang peneroka dalam sebuah kebun di tanah FELDA di Jempol. Suspek kemudian disiasat di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan kerana melakukan seks luar tabii (Harian Metro, Jun 2016).

Dalam tahun yang sama iaitu pada Ogos 2016, dilaporkan dalam akhbar tempatan satu kejadian seorang pelajar Tingkatan 2 di MRSM, Parit, Perak telah dibuli oleh lima orang pelajar senior di asrama (Utusan Malaysia, Ogos 2016). Pelajar itu didapati telah dipukul di tangan dan kaki pada jam 1.30 pagi. Pada bulan September 2016 pula dilaporkan seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun dirogol oleh remaja-remaja lelaki berusia 14 dan 15 tahun di Ayer Hitam, Johor (Utusan Malaysia, September 2016). Pada bulan Julai 2016 sebelum itu, seorang lelaki ditembak mati di hadapan sebuah pusat membeli belah di Danau Kota, Kuala Lumpur selepas terkena 10 daripada 18 das tembakan yang dilepaskan oleh dua lelaki bermotor (Berita Harian, Julai 2016). Akhbar tempatan turut melaporkan bahawa sebanyak 60% kes jenayah yang berlaku di Malaysia ada kaitan dengan dadah. Malahan senario itu turut menular di kalangan golongan remaja dan pelajar sekolah rendah seawal tujuh tahun (Borneo Post, Julai 2016).

Contoh-contoh kes di atas adalah gambaran kepada sebahagian daripada perlakuan devian dan jenayah yang berlaku di Malaysia sejak kebelakangan ini. Untuk tempoh Januari sehingga April 2016 sahaja indeks kes jenayah dicatatkan sebanyak 38,877 kes. Jumlah itu adalah peningkatan sebanyak 4.6% berbanding dengan tempoh sama tahun 2015 (Utusan Malaysia, Mei 2016). Malahan jenayah di kalangan golongan muda seperti remaja turut menunjukkan peningkatan seperti pada tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 7,816 kes berbanding dengan 3,700 kes pada tahun 2012. Manakala angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137% kepada 2,011 kes pada tahun 2013 berbanding 849 kes pada tahun 2012 (Harian Kosmo, Oktober 2014). Peningkatan dalam statistik indeks jenayah negara perlu dipandang berat oleh semua pihak secara lebih mendalam. Jelas, keterlibatan remaja pada peringkat awal dengan tingkah laku devian tanpa kawalan memungkinkan mereka akan terus terjebak pula dalam aktiviti jenayah.

Suatu yang tidak dapat dinafikan adalah warga Malaysia semakin diancam dengan senario dan persekitaran yang kurang selamat. Di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri, saban hari ada sahaja kes jenayah yang dilaporkan. Rakyat dicengkam dengan ketakutan dan sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga walau di mana berada. Kebimbangan rakyat terhadap jenayah telah wujud selama beberapa tahun sebelum ini, seperti mana yang dapat dilihat melalui hasil tinjauan yang dibuat pada 2009 dan 2005 (Pelan Hala Tuju GTP, 2010). Kebimbangan ketara rakyat yang dilaporkan hampir 10 tahun lalu dalam Laporan Suruhanjaya Diraja (2005) menunjukkan sebanyak 89% responden kajian merasa sangat risau dan sungguh risau terhadap isu keselamatan dan kadar jenayah yang semakin meningkat dengan drastik (RCMOP, 2005). Manakala pada tahun 2009 pula, sebanyak

97% daripada 10,060 orang responden kajian menegaskan bahawa mereka berasa sangat tidak selamat berada dalam persekitaran negara (iKDN, 2009).

Sebelum itu, melalui Laporan Kualiti Kehidupan (2002), kadar jenayah setiap seribu penduduk meningkat 3.8 peratus kepada 6.2 peratus. Akibatnya, kapasiti muatan penjara sudah melebihi daripada yang sepatutnya. Mereka yang dihukum kerana melakukan jenayah kini berada dalam penjara yang semakin padat. Malah, nisbah warden dan banduan melebihi standard antarabangsa. Dalam statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) tahun 2004 pula mencatatkan setiap hari di negara ini 1.5 orang dibunuh, 4.7 dirogol, 68.2 insiden pecah rumah, 23.6 kereta dicuri, 141.3 motosikal dicuri dan 41.9 insiden rompakan. Jenayah membabitkan juvana juga semakin meningkat, contohnya pada tahun 2006 telah direkodkan terdapat sebanyak 8,113 kes juvana dan seramai 3,545 pelajar ditahan (Statistik PDRM, 2006).

Kadar kes jenayah di Malaysia lebih tinggi daripada kadar yang boleh diterima di peringkat antarabangsa iaitu 1:3. Penjara di Malaysia hanya boleh memuatkan seramai 31,000 orang tahanan, tetapi kini ada 39,000 orang tahanan. Terdapat hanya seramai 9,974 warden dan ini menjadikan kadar negara kita adalah 1:4.5. Kerajaan berusaha menambahkan anggota polis di bandar raya di samping rondaan lebih kerap termasuk rondaan helikopter pada setiap malam. Apa yang lebih mencemaskan rakyat adalah bukan saja kekerapan jenayah meningkat, namun lebih membimbangkan adalah jenis jenayah berat yang turut meningkat. Kadar kes bunuh, rompakan bersenjata, ugut, rogol dan gengsterisme didapati terus meningkat dari hari ke hari. Kadar jenayah indeks (berdasarkan Jenayah Indeks yang diukur oleh PDRM) secara keseluruhan telah meningkat daripada 746 kes jenayah yang dilaporkan bagi setiap 100,000 penduduk pada 2006 menjadi 767 pada 2007, iaitu suatu kenaikan hampir 3%. Kadar jenayah indeks kekal stabil pada tahun 2008, dan walaupun unjuran awalan mencadangkan bahawa kadar ini mungkin menurun pada 2009, banyak lagi yang sangat perlu dilakukan untuk menurunkan lagi kadar jenayah yang berlaku, terutamanya jenayah kekerasan (Pelan Hala Tuju GTP, 2010).

Agak jelas, rakyat secara konsisten mengenal pasti jenayah yang bermula dari tingkah laku devian adalah sebagai salah satu isu yang menggusarkan mereka. Mengurangkan jenayah merupakan sebahagian penting daripada rancangan Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju dan selamat sepenuhnya. Jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah mempengaruhi kualiti hidup rakyat, yang ada kalanya melibatkan kesan yang sungguh memudaratkan. Jenayah juga mempunyai kesan yang besar terhadap kemajuan ekonomi. Di United Kingdom misalnya, para penyelidik di Kementerian Dalam Negeri menganggarkan kos jenayah melebihi £60 bilion setahun, iaitu lebih 5% daripada KDNK. Dengan adanya penyelidikan secara lebih sistematik, diharapkan berupaya untuk seiring dengan kaedah penyelesaian yang holistik dalam membanteras peningkatan kadar jenayah sehingga mungkin mampu menjadi 'devian sifar dan jenayah sifar'.

Tingkah laku devian membawa maksud tingkah laku yang berlawanan dengan norma-norma sejagat serta tingkah laku yang tidak bermoral (Azizi & Badrulzaman, 2006). Pelbagai tingkah laku negatif yang menyimpang dan tidak dapat diterima masyarakat adalah tingkah laku devian seperti ponteng sekolah, melawan guru, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, ketagihan arak, ketagihan dadah dan pelbagai gejala sosial. Tingkah laku devian boleh sampai ke peringkat yang lebih kronik sehingga membawa kepada

perlakuan jenayah seperti rompakan, ragut, kongsi gelap, memperdagangkan manusia, mencabul kehormatan, pengedaran dadah, perjudian dan penyerangan fizikal (Regoli & Hewitt, 1991). Huizinga & Elliot (1985) dalam kajian mereka mendapati sebanyak 73% daripada seramai 950 orang remaja pernah terlibat dengan tingkah laku devian, manakala 1/3 daripadanya telah sampai ke peringkat salah laku yang serius yang mengarah kepada perlakuan jenayah.

2.0 TEORITIKAL

Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan bagi penelitian yang lebih untuk tujuan perbincangan dalam topik ini. Teori itu merangkumi aspek sosiologi dan psikologi. Untuk menerangkan tingkah laku devian yang membawa kepada aktiviti jenayah dengan lebih terperinci, ahli-ahli sosiologi menjelaskannya daripada perspektif fungsional dan perspektif interaksi. Perspektif fungsional berpendapat bahawa perlakuan jenayah berpunca daripada masyarakat itu sendiri. Teori utama daripada perspektif ini ialah teori anomie. Anomie berlaku apabila masyarakat atau sesuatu kumpulan tidak mendapat sesuatu yang diinginkan akan mula melakukan aktiviti devian (Durkheim, 1987). Teori Anomie ini dikembangkan oleh Merton (1968) dengan menggunakan analogi Durkheim. Merton menekankan dan memberi perhubungan antara tingkah laku dan organisasi sosial yang tidak tersusun. Clinard dan Meier (1995) membicarakan bahawa Anomie mempunyai hubung kait dengan pandangan ketidaksusunan sosial. Anomie adalah perspektif am mengenai devian yang dapat menerangkan beberapa bentuk devian merangkumi jenayah, alkoholisme, penagihan, membunuh diri dan kecelaruan mental. Menurut Merton, terdapat lima kumpulan orang yang devian. Mereka yang patuh tidak akan jadi devian kerana dapat mematuhi matlamat budaya dan cara-cara konvensional untuk mencapai matlamat.

Teori Transmisi kebudayaan pula yang diutarakan oleh Sunderland (1983) mendapati individu menjadi devian melalui pergaulan yang pelbagai. Sutherland (1992) telah mendapati devian adalah berpunca daripada pendedahan dan hubungan di antara pengaruh yang baik dan buruk. Selain daripada itu, teori aktiviti harian juga digunakan untuk menjelaskan perspektif ini. Teori ini turut menunjukkan bahawa untuk setiap tingkah laku devian, kebiasaannya akan wujud seorang pelaku dan seorang mangsa (Sherman et al., 1989 dan Cromwell et al., 1995). Teori ini lebih merujuk kepada tingkah laku jenayah.

Selain daripada perspektif fungsional dan interaksi, terdapat tiga sub teori sosiologi yang lain, iaitu Teori Pembelajaran Sosial, Teori Sub-Budaya dan Teori Interaksi Sosialisasi Terpilih. Teori Pembelajaran Sosial diutarakan oleh Bandura dan Walter (1959). Mengikut teori ini pengaruh budaya adalah penting dalam proses pembesaran kanak-kanak. Proses sosialisasi bermula di rumah dan jika ibu bapa berupaya menjadi model terbaik, kanak-kanak akan mendapat nilai-nilai positif dan bertingkah laku positif. Sekiranya kanak-kanak dibesarkan dengan baik, mereka tidak mudah dipengaruhi oleh tekanan sosial lain seperti pengaruh rakan-rakan untuk cuba bertingkah laku devian dan jenayah. Keadaan di sebaliknya akan berlaku jika kanak-kanak tidak dibesarkan dengan nilai-nilai positif. Teori Sub-Budaya menjelaskan bagaimana sesuatu kumpulan sosial itu akan mempunyai sub-budayanya yang tersendiri. Kumpulan sosial ini mempunyai nilai-nilai dan norma-norma sendiri yang berbeza dengan kumpulan sosial lain (Johnson, 1973).

Empat agen penting dalam sosialisasi ialah ibu bapa, rakan-rakan, sekolah dan media. Dilihat secara keseluruhannya, Wilson dan Seaman (1997) mendapati bahawa penjenayah datang dari latar belakang yang terdapat kesesakan dan juga tahap kehidupan yang rendah. Douglas dan Olshaker (1996) pula mendapati wujud penentu genetik yang menjadikan seseorang sebagai penjenayah. Penjenayah ini mempunyai personaliti egoistik yang kuat dan mencari harga diri serta membalas dendam bagi mengawal mangsa. Faktor-faktor yang mempengaruhi penjenayah adalah apabila di masa kecil mereka selalu bersendirian, dianiayai secara fizikal, tidak disayangi ibu bapa dan menjadi obses melalui fantasi dengan dimantapkan oleh suatu set minda yang konsisten.

Konsep psikoanalisis melalui Teori Personaliti secara psikologi oleh Sigmund Freud pula menetapkan bahawa tingkah laku adalah sebahagian daripada kehidupan dan banyak mempengaruhi cara manusia bertindak. Tingkah laku manusia digerakkan atau ditentukan melalui operasi ketegangan dalaman yang dikenali sebagai naluri. Naluri bertindak untuk memuaskan kehendak-kehendak tubuh badan bagi membawa keseronokan. Teori psikoanalisis mengkaji tiga unsur utama dalam badan manusia yang dikenali sebagai Id, Ego, dan Super Ego. Freud juga menekankan pengalaman masa lalu banyak mempengaruhi personaliti dan tingkah laku manusia sehingga bertindak secara positif ataupun negatif. Healy & Bronner (1936) telah membuktikan bahawa kesan hubungan yang tidak baik antara individu boleh mendorong kepada berlakunya jenayah seperti pergaduhan antara remaja dan pertengkaran antara ibu bapa dan individu. Kesannya, pertelingkahan yang berlaku mendorong tingkah laku devian yang bermula seawalnya di sekolah seperti kes buli dan pukul. Jika tidak diatasi, maka tingkah laku devian itu akan berlarutan apabila mereka dewasa sehingga berani terlibat dengan keganasan dan gengsterisme yang melampau, sekaligus terarah kepada perlakuan jenayah kejam.

3.0 KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang meneliti tentang isu tingkah laku devian dan jenayah. Kajian-kajian tersebut mendapati individu yang terlibat dengan tingkah laku devian mempunyai konsep sendiri yang rendah. Mereka juga melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, yakin diri agak rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan dan kurang memikirkan keperluan sumbangan mereka kepada masyarakat (Byrne, et al., 1981). Manakala kajian oleh Wells (1989) pula mendapati individu devian merasakan mereka dapat memperkembangkan konsep sendiri dan estimasi sendiri dengan melibatkan diri dalam tingkah laku anti sosial. Selanjutnya kajian Tattum (1986) mendapati bahawa individu sengaja melakukan tingkah laku devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka. Menurut Merton (1938), terdapat empat jenis devian iaitu inovasi (suatu cara memenuhi matlamat dengan cara yang salah), ritual (tindakan mengulangi perbuatan), undur (seseorang yang tidak lagi berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternatif lain sebagai tindakan) dan menentang (menolak matlamat pendidikan dan menggantikannya dengan matlamat lain).

Kajian oleh Loeber (1986) dan Rowe (1992) seterusnya mendapati bahawa kebanyakan individu yang terlibat dalam tingkah laku devian sejak usia kanak-kanak mempunyai ahli keluarga atau ibu bapa yang juga pernah bertingkah laku yang sama. Ibu bapa, sebagai pengurus dan pentadbir dalam sesebuah institusi keluarga merupakan model utama yang diikuti oleh anak-anak. Apa sahaja tingkah laku ibu bapa di hadapan anak-anak baik dari segi verbal mahu pun perbuatan akan diperhatikan oleh anak-anak. Maka tidak mustahil

anak-anak akan mencontohi tingkah laku tersebut. Kajian oleh Patterson (1989) dan Dishion, et.al., (1991) pula mendapati bahawa pengaruh keluarga dan rakan sebaya saling berkaitan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial individu manusia. Manakala kajian oleh Dishion, et al., (1995) juga menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya sangat memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku anti sosial individu selain daripada pengaruh negatif dalam keluarga. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa individu yang bermasalah kebanyakannya adalah berlatarbelakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion, et al., 1991).

Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak. Penglibatan individu dalam tingkah laku devian sehingga mencetuskan tindakan jenayah juga disebabkan kegagalan sesebuah sistem keluarga itu sendiri. Kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan tingkah laku anti sosial remaja adalah berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz & Bush, 1996). Kajian oleh Jacobvitz & Bush (1996) itu mendapati bahawa lazimnya, latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan perhatian dan kasih sayang keluarga, ketidaksesuaian kawalan disiplin yang tidak konsisten oleh keluarga semasa individu berada di zaman kanak-kanak lagi.

Kajian oleh Slaby & Guerra (1988) juga mendapati bahawa individu bertingkah laku devian mempunyai kurang kawalan diri dan tingkah laku mereka banyak dipengaruhi oleh kawalan luar dari persekitaran. Kajian oleh Herzoy dan rakan-rakan (Muhd. Mansur, 1988) pula mendapati 70% responden lari dari rumah dan terlibat dengan dadah disebabkan oleh suasana rumah yang menekan, sikap ibu bapa yang tidak kisah dan wujud jurang antara responden dengan ibu bapa. Kesimpulannya, aspek sosiologi dan aspek psikologi memainkan peranan penting dalam meneliti usaha membasmi perlakuan jenayah yang semakin berleluasa. Persekitaran yang positif boleh memimpin manusia ke arah kehidupan yang baik dan menurunkan kadar peratusan jenayah. Persekitaran yang baik tidak semata-mata merangkumi pembangunan pesat, tetapi ianya merangkumi persekitaran hidup yang tenang dan harmoni. Persekitaran yang pesat membangun boleh mendorong kepada berlakunya jenayah apabila peningkatan faktor kos kehidupan kerana tidak diseimbangkan dengan kepentingan beragama yang percaya pada balasan di hari akhirat.

4.0 KECENDERUNGAN INDIVIDU BERTINGKAH LAKU DEVIAN

Perlakuan jenayah mempunyai perkaitan dengan proses pembesaran seseorang individu bermula dari zaman kanak-kanak sehingga meningkat dewasa (Haines, 1999). Peningkatan ini mempunyai hubungan dengan perlakuan anti-sosial di zaman kanak-kanak seperti terlibat dengan aktiviti buli, pembohongan, ponteng sekolah dan bertindak kejam ke atas haiwan. Pembawaan sikap itu diteruskan ketika meningkat dewasa seperti serangan ke atas pasangan, penderaan kanak-kanak, sering mabuk alkohol dan mengamalkan seks rambang. Keadaan ini melibatkan proses pembesaran dan perkembangan kehidupan individu yang berterusan seawal zaman kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa. Kenyataan ini disokong oleh pakar psikologi penjenayah yang menekankan bahawa tingkah laku anti-sosial dan devian akhirnya akan mendorong seseorang untuk terjerumus dalam perlakuan jenayah (Haines, 1999). Realiti itu merupakan benih atau akar umbi perlakuan jenayah yang disemai sejak zaman kanak-kanak atau remaja. Ia adalah simbol kegagalan dalam proses perkembangan dan pembangunan terhadap perlakuan tersebut. Marenin & Reisig

(1995) juga menegaskan kegagalan mengendalikan lokus kawalan diri ekoran tiadanya kawalan oleh ibu bapa selaku penjaga yang mungkin tidak bersesuaian ketika zaman kanak-kanak.

Faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku devian juga adalah apabila wujudnya emosi yang tidak stabil dan tidak gembira hasil dari faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah-belah, kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa serta senario tempat tinggal yang tidak berupaya menjadi 'rumahku, syurgaku'. Kesannya, sebahagian individu sangat suka menafikan bahawa mereka ada masalah, suka mengelak diri dari memikul tanggungjawab mahupun berkomitmen di atas tindakan mereka sendiri, sebaliknya suka menyalahkan orang lain apabila mereka mendapat kesusahan (Mitchell, 1989).

Selain daripada itu, konflik dalam keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab pada ketidakstabilan emosi yang akhirnya membawa kepada tingkah laku devian. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong individu untuk melepaskan geram dan tekanan dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian. Malangnya tindakan mereka bukan sahaja memudaratkan diri sendiri, malahan turut memudaratkan orang lain apabila tingkah laku devian itu bertukar menjadi perlakuan jenayah yang agresif dan berskala besar. Elemen-elemen dalam institusi kekeluargaan sangat mempengaruhi tingkah laku individu sehingga membawa kepada tingkah laku devian di kalangan mereka. Ini juga sangat berkaitan dengan hakikat setiap institusi keluarga mengamalkan gaya asuhan dan pemantauan yang tersendiri serta berbeza terhadap ahlinya. Keadaan ini akan memberikan kesan terhadap pembentukan sahsiah dan moral individu secara berbeza (Azizi & Badruzaman, 2006).

5.0 ISU DAN CABARAN

Hasil perbincangan ini, jelas kepada kita bahawa keperluan untuk mewujudkan masyarakat yang sifar devian dan sifar jenayah adalah suatu yang perjuangan yang bukan mudah jika tidak ditangani dari awal. Fungsi dan peranan masyarakat khususnya golongan muda juga perlu diambil perhatian kerana mereka antara pelapis pemimpin pada alaf baru. Menjelang wawasan 2020 iaitu suatu visi utama menuju kejayaan di Malaysia, rakyat gigih untuk mewujudkan negara yang maju dan dalam masa yang sama harus jangan dilupakan bahawa ia perlulah seiring dengan kemantapan tiga domain insan iaitu afektif, psikomotor dan kognitif. Kestabilan ketiga-tiga domain itu di kalangan rakyat mampu membentuk modal insan bertaraf dunia serta berminda kelas pertama. Menjadi harapan negara juga agar pembentukan rakyat bukan setakat memiliki kecerdasan intelektual sebagai kekuatan dari segi keilmuan, akan tetapi perlu juga dibarisi dengan rakyat yang memiliki kecerdasan emosi kerana ia merupakan kekuatan dari segi afektif yang stabil dan mampu menghadapi cabaran dengan tabah dan proaktif.

Di samping itu pemilikan kecerdasan spiritual pula membolehkan rakyat menjaga hubungan dengan Tuhan sebagai suatu kekuatan rohani yang menjanjikan ketenangan jiwa yang berpanjangan serta keupayaan menjalin hubungan yang baik dengan sesama manusia dan alam sekitar. Rakyat yang mempunyai emosi, minda dan tingkah laku yang mantap berupaya mewujudkan budaya dan iklim yang lebih sejahtera sebagai suatu negara bangsa yang bertamadun cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kita sangat berharap negara kita tidak menjadi seperti negara-negara luar yang memang ketara memiliki segala kemudahan terbaik di dunia (*first class facilities*), penguasaan ekonomi yang dominan (ekonomi kapitalis), namun hakikatnya mengalami ketandusan nilai-nilai murni dan kemanusiaan, malahan ketandusan kedamaian sejagat. Berpunca dari pengaruh dan budaya hedonisme, sememangnya tidak dinafikan masyarakat kita sangat terdedah dengan cara hidup yang melanggar norma agama dan budaya melangkau dunia tanpa batasan, materialistik dan egoistik, malahan hidup bertunjangan nama serta kuasa semata-mata. Keadaan ini juga memungkinkan kita hilang jati diri dan hilang fungsi rakyat yang sanggup berkorban untuk negara atas nama kedaulatan negara. Ketara di sini, amat besar peranan kita untuk memastikan anak-anak dan remaja kita tidak terus terjerut jiwa dan minda dengan arus globalisasi yang mencengkam. Hidup manusia semestinya sentiasa ada sempadan dan batas-batasnya. Konsep kesederhanaan dalam Islam turut ditekankan agar kita tidak menjadi manusia yang berlebih-lebih dalam segala hal berbanding dengan sistem kapitalisme yang sentiasa memberikan kesan negatif merentas negara dan sempadan.

Gaya hidup moden tanpa batasan dan penuh hiburan boleh menenggelamkan keunikan agama, budaya dan tradisi rakyat kita sendiri, apatah pula kesan dijajah selama beratus-ratus tahun masih kuat mempengaruhi sebahagian ideologi masyarakat kita. Ekoran itu, tidak mustahil jika kedapatan rakyat kita yang sanggup mengaut kekayaan dengan cara 'membunuh' bangsa dan rakyat sendiri dengan tergamak menjadi pengedar dadah, pembuat bahan dadah, memperdagangkan wanita serta kanak-kanak serta menggugat ketenangan orang lain melalui aktiviti rompakan, penipuan dan ragut. Malahan kematian dan kemusnahan demi kemusnahan berlaku pada generasi kita saban hari kerana hancur dipengaruhi dadah, salah laku seksual sehingga membawa penyakit berbahaya dan keganasan yang semakin mengerikan di sana sini.

Di Malaysia sahaja dilaporkan pada tahun 2011 didapati penyalahgunaan dadah direkodkan sebanyak 157,765 tangkapan telah dibuat berbanding 124,620 tangkapan pada tahun sebelumnya (Perakini, 2011). Jumlah yang semakin kritikal menjadi bayangan yang mencemaskan untuk tahun-tahun ke hadapan apabila pengedaran dan penagihan dadah menjadi profesion yang menguntungkan pengedar dan 'profesion' yang merugikan penagih dadah. Tidakkah masyarakat terbayang apakah nasib anak-anak dari keluarga yang telah menjadikan dadah sebagai 'profesion' mereka dan apakah generasi ini yang dapat menjadi pelapis pemimpin negara kita? Keadaan semakin merisaukan dengan tingkah laku devian melalui kewujudan masalah ketagihan arak dan ketagihan seks bebas di kalangan remaja termasuklah amalan seks sejenis, bilamana segala ketagihan itu membawa impak yang sangat tenat apabila 'bertebaran' penyakit-penyakit berbahaya yang membunuh. Akhirnya, jiwa masyarakat kita bukan sahaja ketandusan dengan nilai murni malahan juga kerosakan jiwa mereka itu seiring dengan kerosakan pada tubuh fizikal mereka. Sedangkan dalam masa yang sama, negara kita sentiasa diintai untuk kembali dikuasai kuasa luar ekoran daripada kehancuran rohani dan fizikal generasi kita adalah menjadi antara laluan mudah untuk mereka merealisasikan sasaran mereka sejak berabad lamanya bagi mendominasi budaya dan bangsa di negara ini.

Mutakhir ini keterlibatan golongan muda negara dalam pelbagai masalah sosial kian berleluasa bermula daripada kes-kes disiplin di sekolah, seterusnya penglibatan dalam masalah sosial yang lebih besar sehingga membawa kepada perlakuan jenayah

pembuangan bayi, pembunuhan dan kes rogol. Masalah ini didapati berpunca daripada sikap agresif dalaman dan emosi yang tidak dikawal dengan sebaiknya, kurangnya penghayatan terhadap agama, timbulnya pemberontakan emosi dan jiwa serta desakan untuk mencari ketenangan dengan cara yang salah (Fariza Md Sham, 2006). Statistik pada tahun 2013 mencatatkan sebanyak 7,816 kes juvana dilaporkan dan 1,632 daripada kes itu membabitkan kumpulan pelajar (Harian Metro, Julai 2015). Peningkatan statistik kes jenayah peringkat juvana ini menunjukkan permasalahan sosial yang kian meruncing dalam kalangan remaja di negara ini, yang kemudian berlarutan dalam kalangan belia dan dewasa.

Antara kes jenayah yang dilakukan adalah merangkumi jenayah pembunuhan, penyalahgunaan dadah, rogol, pecah rumah, mat rempit, samun, ragut dan jenayah yang berkaitan dengan dunia siber. Jumlah kes jenayah golongan belia yang semakin meningkat hari demi hari ternyata sangat membimbangkan dan semua pihak wajar memandang serius masalah ini. Golongan remaja dan belia sebagai golongan muda pada masa kini sangat mudah terpengaruh dengan unsur negatif yang ditafsirkan secara dangkal oleh mereka. Golongan muda seawal usia kanak-kanak adalah pemerhati yang aktif pada setiap yang berlaku di persekitaran, akan tetapi mereka juga adalah penilai yang pasif.

Oleh itu, perlu adanya bimbingan, panduan dan tunjuk ajar yang konsisten positif daripada individu terdekat agar proses pembesaran mereka tidak tersasar dan menjadi orang dewasa yang lebih jelas hala tuju kehidupan. Cabaran ini jika gagal ditangani, maka tidak mustahil kita harus membayar modal yang sangat mahal untuk mencapai kemajuan negara dengan mengorbankan nilai-nilai kemanusiaan sejagat sehingga wujud masyarakat berminda dan berjiwa kelas ketiga (*Third Class Mentality*). Kita tidak mahu lagi negara dan rakyat kita terus-terusan dicemuh dan dihina sebagai masyarakat yang primitif dan kuno dalam riwayat persejarah hasil tulisan sarjana-sarjana asing. Kuasa luar bukan sahaja telah menerapkan budaya hedonisme pada generasi kita, malahan turut memandang sinis dengan kenafian rakyat kita. Sikap memandang rendah negara luar kepada masyarakat di rantau nusantara sangat ketara sejak zaman negara kita dijajah dahulu lagi. Maka seharusnya kita teguh berdiri menangkis '*double standard*' yang diwujudkan mereka kerana setiap manusia mempunyai hak dan kedaulatan untuk hidup dan bertamadun mengikut acuannya sendiri.

Keyakinan untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di peringkat antarabangsa perlu kita fahami bahawa ia perlu bermula dengan ketinggian nilai dan akhlak. Penghayatan pada ajaran agama secara bersepadu yang sememangnya membimbing umat agar memiliki akhlak yang mulia seharusnya dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai suatu pegangan utuh dalam setiap ahli keluarga. Dari peringkat awal kehidupan lagi setiap ahli masyarakat perlu berusaha mengelakkan ahli keluarga dari terjebak dalam perlakuan devian. Perlakuan devian yang berjaya dicegah di peringkat awal usia dapat mengelakkan juga ahli masyarakat daripada terjebak dalam perlakuan jenayah berat yang merosakkan diri dan orang lain. Kekuatan dari semua aspek perlu digunakan secara optimum bagi membentuk masyarakat yang lebih berkualiti bagi menjamin kehidupan negara yang lebih aman dan selamat.

6.0 RUMUSAN

Perbincangan dalam kertas kerja ini menunjukkan betapa tanggungjawab dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara adalah fungsi dan peranan bersama tanpa mengira status dan latar belakang masyarakat kita. Permasalahan tingkah laku devian sehingga membawa kepada perlakuan jenayah didapati wujud kerana telah banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang merangkumi faktor dalam keluarga mahupun persekitaran. Kesimpulannya, perkongsian dalam perbincangan ini diharapkan dapat menjadi panduan bermakna kepada pihak tertentu seperti Polis Diraja Malaysia, pihak kementerian, komuniti masyarakat dan institut pengajian tinggi. Usaha itu perlu secara koperatif dalam membantu kerajaan serta negara membanteras tingkah laku devian seterusnya perlakuan jenayah di kalangan rakyat secara bersepadu. Kesedaran di kalangan semua pihak juga sangat perlu bagi mencapai tahap kolaboratif yang jitu dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang aman dan selamat kini dan selamanya.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya & Badruzaman Baharom (2006). Persekitaran Keluarga & Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A.; Walter, R. (1959). Adolescent Aggression. Ronald Press.
- Bandura, A. (1977). Social Learning Theory. Englewood Cliffs. N.Jersey: Prentice Hall.
- Dishion, T., Andrews, D., dan Crosby, L. (1995). Anti-Social Boys and Their Friends in Early Adolescence: Relationship Characteristics, Quality and Interactional Process. *Child Development*, 66, 139-151.
- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M., dan Skinner, M.L. (1991). Family, School and Behavioural Antecedents to Early Adolescent Involvement with Antisocial Peers. *Developmental Psychology*, 27(1), 172-180.
- Durkheim, G.D. (1987). *Multimethod Research: A Synthesis of Styles*. Beverly Hills: Sage.
- FarizaMd Sham. 2006. *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Loeber, R. dan Stouthamer-Loeber, M. (1986). Family Factors as Correlates and Predictors of Juvenile Conduct Problems and Delinquency. *Journal of Research in Adolescence*, 5, 615-637.
- Haines, K. (1999) Crime is A Social Problem. *European Journal on Criminal Policy and Research*, 7, 263-275.
- Ma'rof Redzuan. (2003). Psikologi Sosial. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1998). Psikologi Remaja. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mitchell, B. (1989). The Family Environment and Leaving the Parental Home. *Journal of The Marriage and Family*, 51, 605-613.
- Patterson, G. (1989). A Developmental Perspective on Antisocial Behaviour. *American Psychologist*, 44, 329-335.
- Program Transformasi Kerajaan (2010). Pelan Hala Tuju GTP- Ringkasan Eksekutif. Bab 6. Jabatan Perdana Menteri.
- Slaby, R.G. dan Guerra, N.G. (1988). Cognitive Mediators of Aggression in Adolescent Offenders. *Developmental Psychology*. 24, 580-588.
- Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pencegahan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.
- Tattum, G. (1986). Accumulation of Problems in Social Functioning in Young Adulthood. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69, 381-391.

Rujukan Akhbar:

Borneo Post, 2016.

Harian Kosmo, 2014.

Harian Metro, 2015.

Utusan Malaysia, 2016.

Rujukan Internet:

<http://www.perakini.net/statistik/484-statistik-penyalahgunaan-dadah.htm>

<http://www.thesundaily.my/news/2195286>

<http://www.hmetro.com.my/node/145578>

<http://sarawakvoice.com/2016/12/16/>